

**Parlimen: Aerobridge Di KLIA2 Dibina Ikut Keperluan - Jelaing
Bernama
17 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Keputusan sama ada jejantas bergerak (aerobridge) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) akan dibina atau tidak bergantung kepada keperluan syarikat penerbangan.

Timbalan Menteri Pengangkutan Jelaing Mersat berkata jejantas itu akan dibina jika syarikat penerbangan benar-benar mahu menggunakannya.

"Cadangan pembinaan aerobridge di KLIA 2 masih di peringkat penelitian dan MAHB (Malaysia Airports Holdings Berhad) ada menyediakan ruang untuk memasang aerobridge itu jika syarikat penerbangan ingin menggunakannya kelak," katanya, di sini Isnin.

Beliau yang menjawab soalan Teresa Kok Suh Sim (DAP-Seputeh) di Dewan Rakyat, juga berkata kerajaan telah memanjangkan pandangan pelbagai pihak termasuk daripada kelompok kelainan upaya dan Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia kepada MAHB untuk dipertimbangkan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620373>